

# BAB 4

#### 4.0 Pendahuluan

Bahagian ini merupakan hasil kajian yang telah diperolehi oleh pengkaji berdasarkan kaedah rujukan perpustakaan dan temubual mendalam dengan pihak MDC. Dalam rujukan perpustakaan, pengkaji banyak membuat rujukan terhadap sumber primer yang diperolehi dari *brochure*, *booklet* dan lima majalah MSC.Comm yang telah diterbitkan oleh MDC secara *quarterly*. Maklumat dan data mengenai projek MSC yang diperolehi dari sumber primer ini diperkukuhkan lagi oleh sumber sekunder yang diperolehi dari laman web MSC iaitu [www.msc.com.my](http://www.msc.com.my), keratan akhbar, artikel dan buku.

Selain itu pengkaji juga turut melakukan temubual mendalam dengan pihak MDC iaitu En. Azlan, Pengurus *Community Reach*, Divisyen Komunikasi Korporat pada 18hb Mac 2005 dan Cik Fazlyn Juliana Mohd Kamal, Pegawai Eksekutif Penjenamaan dari Divisyen Pemasaran dan Penjenamaan, MDC pada 4hb Mac 2005. Segala kenyataan yang diberi telah direkodkan dalam kaset untuk kepentingan pengkaji.

Manakala soalan-soalan yang dikemukakan adalah berdasarkan kepada pengurusan organisasi MDC, perancangan dan strategi projek Fasa Kedua, hubungan antarabangsa, perkembangan terkini 7 aplikasi perdana dan pembangunan projek bandar siber Bayan Lepas di Pulau Pinang dan *Kulim High Tech Park* di Kedah. Melalui kaedah ini pengkaji dapat memahami corak pengurusan MDC secara terperinci serta mengetahui perkembangan terkini projek MSC. Secara tidak langsung telah mengukuhkan lagi kenyataan dan maklumat yang diperolehi dari kaedah rujukan perpustakaan.

## **4.1 Struktur Pengurusan MDC.**

### **4.1.1 Peranan MDC**

Sebagai satu agensi hentian setempat, MDC telah ditubuhkan untuk menguruskan pembangunan koridor dan untuk mempercepatkan kemasukan para pelabur ke MSC. Perbadanan ini juga diberi kuasa untuk menganugerahkan Status MSC kepada syarikat yang berhasrat untuk menempatkan operasi mereka di koridor ini. MDC telah diberi tanggungjawab untuk membentuk usahawan-usahawan teknologi Malaysia.

Untuk mencapai matlamat tersebut, MDC dan gandingan usaha daripada agensi kerajaan dan sektor swasta telah merangka dan menyediakan beberapa inisiatif kritikal seperti bantuan peluang pasaran, insentif kewangan dan bukan kewangan, geran penyelidikan dan pembangunan, dana modal teroka dan pembiayaan serta pusat inkubator.

### **4.1.2 Visi MDC**

Terdapat empat visi utama yang telah digariskan oleh pihak MDC.

Empat visi tersebut ialah:-

1. Membentuk persekitaran utama kepada dunia
2. Menarik dan memelihara *leading-edge* dan syarikat bertaraf dunia.
3. Memudahkan pemindahan pengetahuan dan penciptaan kekayaan.
4. Membina mandat yang terbaik berasaskan nilai dan organisasi berefektif tinggi.

### **4.1.3 Misi MDC**

Untuk memastikan MSC adalah persekitaran yang terbaik di dunia dan menggunakan sepenuhnya potensi multimedia, maka MDC bekerjasama

secara aktif dengan pihak kerajaan dan syarikat-syarikat yang terlibat dengan MSC untuk kepentingan bersama melalui:-

1. Mengkaji Rang Jaminan secara berterusan bagi memastikan pelaksanaannya sempurna dan memenuhi matlamat sebenar.
2. Membantu pihak kerajaan sebagai pelopor yang membangun dan mengemaskini undang-undang siber mengikut polisi dan membuat pengubahsuaian mengikut kesesuaian MSC.
3. Memastikan Rangkaian Multimedia Terbuka menyediakan tuntutan jalur lebar (*bandwidth*) dan kualiti tarif diperingkat persaingan global dengan kos yang efektif antara rangkaian untuk perkhidmatan nilai tambah.
4. Memastikan pembangunan infrastruktur fizikal berkualiti tinggi bagi menyediakan kehidupan yang seimbang dengan persekitaran kerja mengikut masa yang telah ditetapkan.

#### **4.1.4 Lembaga Pengarah MDC**

Ahli Lembaga Pengarah MDC adalah seramai dua belas orang yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Halim Bin Ali. Manakala Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) MDC ialah Datuk Dr. Mohamed Arif Bin. Nun. (Rujuk Lampiran 1) Mereka juga merupakan ahli Majlis Mesyuarat Pelaksana dan Majlis IT Kebangsaan (NITC). Senarai semua ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:-


1. Tan Sri Abdul Halim b. Ali (Pengerusi)
2. Tan Sri Dato' Azman b. Hashim
3. Tan Sri Dato' Mohd Sherriff b. Mohd Kassim
4. Datuk Dr. Mohamed Arif b. Nun (CEO)
5. Datuk Wira Mohamed Said b. Mohamed Ali

6. Dato' Hj. Ambrin b. Buang
7. Dato' Dr. Halim b. Shafie
8. Al-Ishsal b. Ishak
9. Shaifubahrim b. Mohd Saleh
10. Dato' Suriah bt Abd. Rahman
11. Zalekha bt Hassan
12. Dr. Azizah bt Arifin.

Namun begitu, jumlah Ahli Lembaga Pengarah MDC ini akan dirombak dan dikurangkan kepada 9 orang dan senarai Ahli Lembaga Pengarah yang baru akan diumumkan tidak lama lagi. Langkah ini adalah bertujuan untuk memudahkan proses buat keputusan dikalangan ahli. (The Star, 2005:1)

#### 4.1.5 Carta Organisasi MDC

Carta 4.1: Carta Organisasi MDC



Berdasarkan kepada carta organisasi di atas, ternyata struktur organisasi pengurusan MDC adalah berdasarkan kepada pembahagian tugas mengikut fungsi. Terdapat lima pembahagian utama iaitu Pemasaran dan Penjenamaan, Pembangunan Kapasiti, Perkhidmatan Korporat, Pembangunan Industri dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Ketua Pengarah Eksekutif (CEO) MDC iaitu Datuk Dr. Mohamed Arif Bin Nun merupakan CEO baru yang menggantikan Tan Sri Dato' Dr. Othman Yeop Abdullah.

Beliau bertanggungjawab membawa MDC mencapai kejayaan seterusnya dalam membangunkan projek MSC khususnya dalam projek Fasa Kedua hingga tahun 2020.

Menurut En. Azlan, semua perancangan dan pelaksanaan projek MSC yang akan dilaksanakan oleh MDC harus mengikut perancangan dan keputusan yang dibuat di peringkat atasan oleh Jawatankuasa dan Majlis yang telah dibentuk oleh kerajaan. Antaranya ialah Majlis IT Kebangsaan dan Mesyuarat Majlis Pelaksana, Pengurusan Pengetahuan (*Business Intelligent*), Unit Pelaksana dan Koordinasi Projek serta mengikut polisi IT yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Bahagian Strategi Korporat yang diketuai oleh En. Abdullah Kadir Bacha akan membuat segala perancangan dan strategi berlandaskan arahan dan keputusan dari Majlis tersebut. MDC sebagai agensi yang bertindak sebagai pelaksana akan membahagikan semua projek kepada lima bahagian utama untuk dilaksanakan.

Bahagian Pemasaran dan Penjenamaan yang diketuai oleh Naib Presiden Dr. Abu Talib Bachik terbahagi kepada dua divisyen iaitu Pemasaran dan Komunikasi Korporat. Bahagian Pembangunan Kapasiti pula terbahagi kepada lima divisyen iaitu Undang-undang Siber (*Cyberlaw*), Infostruktur, Infrastruktur dan Integrasi Kapasiti. Timbalan Presiden bagi Bahagian Kapasiti ini ialah Ms. Ng Wan Peng. Manakala Timbalan Presiden Bahagian Perkhidmatan Korporat pula ialah Mr. Jagdis Singh Dhaliwal. Terdapat empat divisyen di Bahagian Perkhidmatan Korporat ini iaitu Pentadbiran, Pembangunan Bakat, Pengurusan Aset dan Kewangan serta Legal.

Sementara, Bahagian Pembangunan Industri pula diketuai oleh Mr. Narayanan Kanan dan Timbalan Presidennya ialah Dr. Wilson Tay dan En.

Kamil Ahmad Othman. Bahagian ini terdiri dari divisyen Perkhidmatan Klien, Perkhidmatan Perkongsiaan dan *Outsourcing*, Pembangunan Usahawan Tekno, Pembangunan *K-Workers* dan Kelompok Multimedia Kreatif.

Bahagian Pembangunan Sosio Ekonomi pula diketuai oleh Dr. Muhammad Ghazie Ismail. Terbahagi kepada enam divisyen yang terdiri daripada pembangunan *flagship* MSC iaitu E-Perniagaan (NECC), E-Kerajaan, Sekolah Bestari, Kad Pelbagai Guna, Teleperubatan dan Penyelidikan dan Polisi Teknologi-CITI. (Rujuk Lampiran 2 : Pengurusan MDC)

Selain itu, bagi memastikan misi dan visi MDC mencapai objektifnya, maka MDC telah menggunakan "*The Balanced Scorecard*" (BSC) bagi mengukur prestasi dan pencapaian semua kakitangannya. Melalui BSC semua kakitangan MDC akan dapat meningkatkan prestasi kerja dan sumbangan kepada organisasi khususnya dalam merealisasikan visi dan misi MDC sebagai agensi pelaksana bagi projek MSC. Menurut En. Azlan, MDC mula menggunakan BSC ini pada tahun lepas. Semua pekerja bermula dari peringkat atasan iaitu CEO hingga ke peringkat bawahan akan diukur dan dinilai berdasarkan BSC ini. Pencapaian kesemua pekerja ini akan dibawa dari bawah ke atas atau dari atas ke bawah untuk dinilai. Ia juga merupakan mekanisme yang terbaik kepada organisasi untuk meningkatkan pencapaian pekerja atau "*self development*" dan pada waktu yang sama ia juga dapat memastikan matlamat organisasi tercapai. (MSC.Comm, 2004a:14) BSC ialah sistem yang mengukur prestasi pekerja berdasarkan sumbangan dan kejayaan yang telah dicapai oleh setiap individu kepada organisasi. Contohnya dalam mensasarkan bilangan syarikat yang menyertai projek MSC.

## 4.2 *Milestones* MSC

MSC merupakan satu pelan jangka panjang yang menjangkau tempoh dari tahun 1996 hingga 2020. Untuk melonjakkan Malaysia ke dalam Era Maklumat, pelaksanaan wawasan MSC telah dibahagikan kepada 3 fasa. Dalam Fasa Satu, MSC telah berjaya diwujudkan malah mencapai kejayaan yang amat menggalakkan khususnya dari aspek bilangan syarikat dan pelaburan.

Manakala dalam Fasa Dua atau Lonjakan Kedua, satu rangkaian koridor yang serupa akan dibina dan dimajukan di Malaysia. Pada masa yang sama, satu kerangka undang-undang siber sejagat akan diselaraskan dan sekurang-kurangnya empat hingga lima bandaraya pintar di Malaysia akan dirangkaikan dengan bandaraya-bandaraya siber sejagat. (MDC, 2004b)

Dalam Fasa Tiga pula, Malaysia dijangka akan menjadi satu Koridor Raya Multimedia dan negara ini akan menjadi tapak uji sejagat bagi aplikasi IT dan multimedia yang baru. Satu Mahkamah Keadilan Siber Dunia akan ditubuhkan di MSC dan sebanyak 12 bandaraya pintar juga akan dirangkaikan dengan lebuhraya maklumat sejagat. (Rujuk Lampiran 3: Model Milestones MSC)

Kini projek MSC berada dalam Lonjakan Kedua untuk mewujudkan satu rangkaian koridor raya di Malaysia, menghubungkan empat hingga lima bandaraya siber dan merangka undang-undang siber. Oleh itu dalam merealisasikan matlamat dalam fasa ini, maka MDC telah mensasarkan perancangan dan strategi berdasarkan kepada *milestones* MSC tersebut.

Menurut Fazlyn, MDC mempunyai lebih 400 orang pekerja. Oleh itu dalam merealisasikan kejayaan Lonjakan Kedua MSC ini, maka setiap Bahagian akan mensasarkan matlamat masing-masing setiap tahun. Contohnya dalam meningkatkan jumlah pekerja berpengetahuan (*K-Workers*), penghasilan produk, jumlah pelaburan, dan bilangan syarikat yang menyertai MSC. Kesemua aspek ini mempunyai targetnya setiap tahun yang harus dicapai oleh setiap bahagian MDC

khususnya untuk mencapai matlamat jangka panjang iaitu pada tahun 2010. Penganugerahan dua lagi bandar yang berstatus bandar siber iaitu *Penang Cyber City 1*(PCC1) di Bayan Lepas, Pulau Pinang dan *Kulim High Tech Park* di Kedah juga merupakan strategi MDC dalam mewujudkan bandar siber di Malaysia selain Cyberjaya dan Taman Teknologi Malaysia.

Menurut En. Azlan, PCC 1 dan KHTP merupakan strategi MDC untuk mengurangkan jurang digital di kalangan rakyat Malaysia. Matlamatnya adalah untuk memberi manfaat dan kemudahan MSC kepada seluruh lapisan masyarakat yang sekaligus dapat melahirkan masyarakat yang bermaklumat. Walau bagaimanapun Cyberjaya akan tetap menjadi pusat aktiviti bagi segala projek MSC dan akan berterusan sebagai “*Nucleus*” kepada bandar siber yang lain serta kekal mengikut konsep “*Hub dan Spoke*” (Inter & Intra koridor). Tambahannya lagi, Lonjakan Kedua MSC kali ini akan diperluaskan ke seluruh negeri di Malaysia tanpa mengira sempadan. Malah pelaksanaan 7 *flagship* MSC seperti E-Kerajaan, Sekolah Bestari, Kad Pintar, Telekesihatan, R&D dan E-Perniagaan akan di letakkan dalam *fast-track* dan *roll-out* ke seluruh negeri di Malaysia. Ia tidak lagi tertumpu di kawasan MSC (50x50km) seperti Fasa Satu. (Rujuk Lampiran 4: *The MSC National Rollout*)

Menurut Fazlyn pula, pada tahun lepas MDC sibuk mempromosikan MSC di setiap negeri khususnya di peringkat kerajaan negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Matlamatnya adalah untuk memberi pendedahan dan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meluaskan pelaksanaan projek MSC. Secara tidak langsung ia juga dapat memberi sokongan yang padu terhadap projek-projek yang akan diperkenalkan di setiap negeri tersebut.

Tambahannya lagi dari aspek sumber kewangan pula, peruntukan kewangan projek MSC pada tahun ini masih lagi dalam peruntukan RMKe-8, tetapi

peruntukan projek MSC pada tahun depan dan seterusnya adalah bergantung kepada jumlah peruntukan dalam RMKe-9 akan datang.

#### **4.2.1 Strategi Lonjakan Kedua**

Berdasarkan *milestones* MSC, matlamat utama Lonjakan Kedua MSC adalah untuk mewujudkan satu rangkaian koridor raya di Malaysia, menarik 250 syarikat MSC global menyertai MSC, menghubungkan empat hingga lima bandaraya siber dan merangka undang-undang siber sejagat, namun begitu Lonjakan Kedua MSC akan memainkan peranan yang lebih penting dan lebih luas dengan memberi penekanan kepada ICT sebagai mekanisme yang membentuk kualiti kehidupan yang lebih baik. Malah semua pelaksanaannya dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Merujuk kepada Lampiran 5, MDC telah menggariskan 3 matlamat utama dalam mengatur strategi pelaksanaan pembangunan Lonjakan kedua iaitu:-

1. Mempercepatkan pertumbuhan industri ICT di Malaysia.
2. Meluaskan pelaksanaan projek MSC ke seluruh negara.
3. Meningkatkan penggunaan dan pengaplikasian industri domestik untuk perkhidmatan dan produk ICT. (MSC.Comm, 2004b:7)

#### **4.2.2 Indikator pelaksanaan Lonjakan Kedua**

Strategi ini kemudiannya dikukuhkan lagi dengan pembentukan lima kunci indikator sebagai objektif dalam pelaksanaan Lonjakan Kedua iaitu.

1. Pertambahan syarikat ICT di Malaysia sebanyak 10 250 syarikat menjelang tahun 2010.
2. Pembentukan 3750 syarikat berstatus MSC dan 250 antaranya ialah syarikat global.

3. Sektor sasaran yang akan bersaing di peringkat global ialah Perkhidmatan Perkongsian dan *Outsourcing*, Industri Kreatif dan Rekaan, Aplikasi Kandungan, Aplikasi Mobiliti Tanpa Wayar, *Advanced Electronic* dan Bioinformatiks.
4. Sasaran RM69 bilion daripada hasil penjualan produk MSC menjelang tahun 2010 dengan jumlah eksport bernilai RM28 bilion.
5. Mewujudkan 245 000 pekerjaan bernilai tinggi dengan pendapatan tahunan RM282 000 setiap orang. (MSC.Comm, 2004b:5)

### **4.3 Peranan Anak syarikat MDC**

MDC sebagai perbadanan yang bertanggungjawab dalam merealisasikan kesemua projek MSC telah membahagikan sebahagian tugasnya kepada lima buah anak syarikatnya yang masing-masing mempunyai fungsi dan peranannya tersendiri untuk membantu MDC. Kewujudan anak syarikat milik MDC ini merupakan pemangkin atau "*catalyst*" kepada semua projek dan perancangan yang telah diatur oleh MDC sebagai satu agensi hentian setempat. Lima anak syarikat MDC tersebut ialah *MSC Venture Corporation*, *MSC Technology Centre Sdn Bhd*, *KWX Sdn Bhd*, *MSC Trustgate.Com* dan *MSC Management Services Sdn Bhd*.

#### **4.3.1 *MSC Venture Corporation (MSCVC)***

Bagi memangkin pertumbuhan dan menarik minat syarikat modal teroka supaya melibatkan diri dalam sektor ICT, *MSC Venture Corporation* (MSCVC) telah ditubuhkan pada tahun 1999 sebagai sebuah anak syarikat milik penuh MDC. MSCVC telah membantu syarikat yang memiliki status MSC dan yang berpotensi memiliki status berkenaan terutamanya syarikat SME bagi mendapatkan pembiayaan modal teroka.

Bersama-sama dengan MDC, MSCVC bukan hanya menyediakan pembiayaan untuk jangka masa panjang kepada syarikat pelabur tetapi juga bertindak sebagai penasihat strategi dan mendapatkan data/sumber yang penting dan tidak ternilai serta menghubungkan rangkaian antarabangsa yang sangat luas kepada MSC. Malah MSCVC juga membantu syarikat untuk meletakkan kedudukan syarikat sebagai rakan kongsi strategik dan menyenaraikannya dalam Bursa Saham di Malaysia dan di luar negara.

Misi MSCVC ialah membina syarikat MSC bertaraf dunia yang boleh memberi pelaburan dan pulangan yang menarik kepada syarikat-syarikat pelabur. MSCVC juga begitu komited untuk meningkatkan dana baru untuk mencapai objektif strategik dan sumber kewangan serta menjadi syarikat *venture capital* dengan kekuatan *anchor* di Malaysia.

MSCVC berusaha untuk berkongsi dan mencapai visi syarikat pelabur dengan bekerjasama membantu mereka meningkatkan dana baru, *sourcing talent*, memperkenalkan rakan kongsi tempatan dan luar negara sebagai pelengkap dan pemangkin perkembangan syarikat dan membuka peluang kepada jaringan hub yang meluas di MSC.

Pada bulan Jun 1999, MSCVC telah melancarkan dana yang pertama iaitu *MSC Venture One* sebanyak RM120 juta (US\$31.6 juta). Mereka telah melabur secara aktif dalam syarikat ICT terutamanya dalam sektor telekomunikasi, e-dagang, sistem dan peralatan medikal, perisian keselamatan perdagangan, kandungan multimedia dan perkhidmatan. Matlamat pembiayaan bagi dana baru ini adalah kepada syarikat yang berkaitan dengan ICT dan usahawan tekno yang mempunyai rangkaian teknologi dunia secara meluas dan pertumbuhan yang tinggi. Sektor strategik yang terpilih adalah seperti teknologi tanpa wayar dan

*bioinformatics*. MSCVC juga meluaskan sokongan kepada syarikat baru yang sedang meningkat naik melalui hubungan inkubator yang bertauliah.

#### **4.3.2 *MSC Technology Centre Sdn Bhd (MSCTC)***

MSCTC diwujudkan untuk mengendalikan teras perniagaan, menilai organisasi dan menyampaikan nilai strategi *far-reaching* dan penyelesaiannya. MSCTC telah ditubuhkan pada tahun 1997 berikutan pembangunan IT di Malaysia dan berdasarkan inisiatif MSC. Misinya ialah membina "*Technology Capture Mechanism*" yang akan memelihara modal pengetahuan yang tidak ternilai berikutan dari pengalaman dalam mengurus dan membangunkan MSC Malaysia bertaraf dunia.

MSCTC bertindak sebagai pengendali teras perniagaan berasaskan modal pengetahuan dan mengumpul kekayaan yang berterusan dalam bidang ICT dan pengetahuan perniagaan daripada pengalaman kerja dalam pembentukan MSC dan organisasi lain. MSCTC juga menawarkan set perkhidmatan yang bersepadu yang dapat memberi kesan kepada permintaan pada hari ini yang berdaya saing dan perniagaan global yang banyak bergantung kepada teknologi.

#### **4.3.3 *KWX Sdn Bhd***

KWX merupakan anak syarikat MSC Management Sdn Bhd dan sebahagian daripada MDC. Telah ditubuhkan pada bulan November 1998. Sejak ia diasaskan, KWX telah berusaha mengukuhkan syarikatnya sebagai syarikat yang dihormati dan dipercayai dengan memberi kepuasan pelanggan yang tinggi kepada kliennya. Pada peringkat permulaan, KWX telah membangunkan kemampuannya untuk memberi perkhidmatan kepada

sektor lain seperti pembuatan, *consumer goods*, perkhidmatan kewangan, elektronik dan pasaran kerja.

Tetapi kini KWX adalah syarikat yang menguruskan pengambilan pekerja bagi syarikat yang memerlukan tenaga kerja. Misi KWX ialah membantu KLIEN dan CALON untuk mencipta dan mengekalkan prestasi yang tinggi dalam persekitaran dunia pekerjaan melalui peruntukan dan pengambilan pekerja yang kreatif dan berpengetahuan mengikut perkhidmatan dan permintaan yang sesuai.

Objektif KWX ialah:-

1. Mengenalpasti, melapor dan mendaftar peluang pekerjaan.
2. Menguruskan pendaftaran calon yang sedang mencari pekerjaan.
3. Menjalankan tanggungjawab dan janji kepada calon untuk mencarikan peluang pekerjaan kepada mereka mengikut kesesuaian.
4. Memberi perkhidmatan bimbingan mengenai karier kepada calon.
5. Memberi perkhidmatan bimbingan pasaran kerja kepada syarikat berstatus MSC.
6. Memberi sumbangan yang efisien dan efektif sebagai syarikat yang menawarkan pengambilan pekerja yang berpengetahuan.

#### **4.3.4 MSC Trustgate.Com (MSCTG)**

*MSC Trustgate.Com* (MSCTG) pula bertindak sebagai agensi yang memastikan perlindungan yang mencukupi ke atas hak harta intelek bagi syarikat yang melabur dalam persekitaran ICT dan multimedia. Pembangunan dan hubungan yang erat dan kukuh dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan merupakan faktor utama kejayaan dalam strategi

perniagaan MSCTG dan kekuatan yang membolehkannya mencapai cita-cita dalam jangka masa panjang. MSCTG begitu komited untuk bekerjasama dengan rakan kongsi strategik untuk mencapai matlamat bersama. Visi MSCTG ialah mempercepatkan pertumbuhan e-dagang dengan mencipta persekitaran elektronik yang boleh dipercayai dan diyakini. Ia memfokuskan kepada pembentukan MSCTG sebagai penyedia keselamatan Internet utama yang sekaligus membantu aspirasi MSC untuk menjadi dan menyediakan persekitaran elektronik yang bertaraf dunia.

Oleh itu bagi mencapai visi MDC, maka MDC telah menubuhkan MSCTG pada tahun 1999 dengan sokongan penuh dari Majlis Pelaksana MSC (*MSC Implementation Council*) untuk memastikan MSC akan mampu untuk menerima produk dan perkhidmatan yang terbaik. Sejak ia ditubuhkan, MSCTG telah berusaha gigih menjadikan syarikatnya sebagai syarikat yang berdisiplin, peneraju pasaran utama dalam pemasaran dan pembekal strategik bagi perkhidmatan keselamatan. MSCTG adalah berorientasikan kepada keperluan pelanggan. Oleh kerana pasaran e-dagang sentiasa berkembang maju, MSCTG telah meletakkan kedudukannya yang sempurna untuk menyediakan kliennya kepada penyelesaian infrastruktur keselamatan utama.

MSCTG telah dilesenkan di bawah Akta Tandatangan Digital bagi membuktikan Sijil Autoriti MSCTG untuk memberi perkhidmatan sijil digital seperti *Digital Certificate*, *Public Key Infrastructure (PKI)* dan produk kriptografi kepada beberapa pasaran Internet di Malaysia, Asia dan lain-lain lagi.

Selain itu, MSCTG adalah gabungan *Verisign Incorporation* di rantau Selatan dan Barat Asia. Ia juga merupakan ahli kepada Verisign Trust Network. Keahlian MSCTG ini memberi peluang kepada pelanggan untuk

menikmati perkhidmatan global yang sesuai dengan tuntutan dan kemunculan teknologi. Malah penggabungan MSCTG turut mengukuhkan hubungan yang strategik dengan syarikat utama dalam industri ini seperti *AT&T, British Telecommunication Checkpoint, Cisco-Microsoft, Netscapes, Network Associates, Network Solution, RSA Security* dan *Visa*.

#### **4.3.5 MSC Management Services Sdn Bhd (MSCMS)**

MSCMS ditubuhkan pada bulan Februari 1999, merupakan anak syarikat MDC sebagai penyedia rundingcara, teknologi, dan perkhidmatan *outsourcing*. MSCMS adalah mekanisme penyampai untuk MDC dan MSC yang membolehkan Malaysia melonjak dari ekonomi berasaskan perindustrian kepada ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Syarikat ini juga sibuk mempromosi dan melaksanakan beberapa projek *flagship* di peringkat tempatan dan luar negara.

MSCMS dikhaskan untuk memastikan pelanggan atau syarikat pelabur menerima perkhidmatan berkualiti yang bertaraf dunia yang dapat mengukuhkan kelebihan persaingan dan mencapai visi MSC. MSCMS memfokuskan keperluan berdasarkan kepuasan kepada pelanggan.

Sebagai “satu hentian pusat IT”, MSCMS adalah bebas, memfokuskan pelanggan dan perniagaan yang berpandukan pengalaman organisasi dalam bidang ICT, pemasaran, kejuruteraan, kewangan, kerajaan, sumber manusia, multimedia kreatif dan profesion undang-undang. Ini secara tidak langsung membolehkan mereka memahami kestabilan dalam segmen pasaran yang pelbagai disamping menarik kepakaran pekerja berpengetahuan untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang tinggi dan memberi kepuasan kepada pelanggan.

Malah dengan hubungan yang erat dengan pelbagai pihak agensi kerajaan melalui penggabungan dengan MSC, MSCMS mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan kos yang efektif dan *client centric solutions* di samping memperkenalkan jenama MSC dan meningkatkan kapabilitinya.

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh MSCMS terbahagi kepada dua perkhidmatan yang utama iaitu Proses Perniagaan *Outsourcing* dan IT *Outsourcing*. Proses Perniagaan *Outsourcing* ini pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

1. Perkhidmatan Kemudahan seperti Perkhidmatan Ekspatriat/mastautin, *Liaison* dengan kerajaan dan menyediakan kemudahan Rang Jaminan.
2. Perkhidmatan Operasi Perniagaan *Outsourcing*.
3. Perkhidmatan Sekretariat Korporat.

Manakala IT *Outsourcing* juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:-

1. Perkhidmatan Rangkaian dan Sokongan.
2. Pembangunan Laman Web dan Perkhidmatan Pengurusan.
3. Penasihat Perniagaan dan Perkhidmatan Pembangunan.

Salah satu perkhidmatan tersebut iaitu Perkhidmatan Kemudahan MSC merupakan perkhidmatan yang terpenting dalam pembangunan MSC dalam proses perniagaan *outsourcing* di Malaysia. Tiga perkhidmatan lain yang ditawarkan dalam perkhidmatan kemudahan ini seperti Perkhidmatan Ekspatriat/bermaustatin, Perkhidmatan Operasi Perniagaan dan *Liaison* kerajaan merupakan kemudahan yang amat penting dalam menentukan kejayaan dalam mencipta persekitaran yang terbaik bertaraf dunia kepada syarikat yang menyertai MSC di Malaysia.

Perkhidmatan Ekspatriat misalnya memberi kuasa kepada MDC untuk meluluskan pengambilan pekerja asing ke Malaysia. Permohonan

pengambilan pekerja asing ini adalah berdasarkan kriteria yang telah ditentukan oleh MDC dengan sokongan Jabatan Imigresen Malaysia bagi membantu syarikat memperolehi visa untuk pekerjanya. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh MSCMS dalam permohonan pekerja asing ini ialah pas pekerjaan, pas lawatan profesional, pas pelajar, visa tambahan, pas pembatalan dan pertukaran, program *silver hair* , program untuk suami isteri dan permohonan bermastautin tetap.

Manakala dalam menyediakan kemudahan Perkhidmatan Operasi Perniagaan pula, MSCMS menyediakan perkhidmatan nilai tambah untuk membantu kemasukan syarikat dalam MSC serta proses operasi syarikat agar berjalan dengan lancar. Antara perkhidmatan yang termasuk dalam kemudahan ini ialah perkhidmatan perpindahan dan penempatan semula, pengurusan rekod, program latihan dan pembangunan *workforce*, penasihat undang-undang, pengurusan majlis, pembaikan dan rekabentuk dalaman serta perkhidmatan pengiriman dan penghantaran kargo.

Selain itu, hubungan profesional MSCMS dengan kementerian dan agensi kerajaan lain, membenarkannya untuk mengeluarkan dan meluluskan permit dan lesen dengan mudah dan cepat tanpa birokrasi dan *red tape*. Antara kemudahan perkhidmatan *liaison* dengan kerajaan adalah Penasihat Insentif Kewangan MSC, kebebasan pinjaman MSC, permohonan untuk pengecualian duti import dan pengecualian tax jualan, permohonan untuk mendapatkan lesen pembuatan dari MIDA dan permohonan untuk mendapat lesen pendaftaran dan geran kewangan dari agensi kerajaan yang berkaitan.

## 4.4 Pembangunan Projek MSC

### 4.4.1 Aplikasi Pembangunan Usahawan Tekno

*(Technopreneur Development Flagship - TDF)*

Bagi memastikan wujudnya syarikat-syarikat ICT tempatan yang berwibawa, MDC telah mengambil peranan dalam membantu pembangunan usahawan tekno. Syarikat-syarikat baru yang sedia ada, memangkin dan menyubur sekumpulan SME (*Small Medium Enterprises*) dalam ICT, serta membantu dan menggalak pertumbuhan syarikat SME ICT supaya menjadi syarikat yang bertaraf dunia.

TDF ini telah dilancarkan pada tahun 2001 oleh Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie. Menurut beliau:-

*The new MSC flagship is of vital importance to the growth and development of the country's next wave of economic warriors – the entrepreneurs in the knowledge economy. They will be the ones to leverage on the power of ICT and its ability for use knowledge to create value-added benefits to our existing commodity, manufacturing and service industries, as well as creating a new ICT industry in Malaysia. These technopreneurs will form the private sector vanguard of Malaysia's drive to transform itself into a knowledge society where their products and service will help to enhance the adoption of knowledge based activities in our everyday lives. ( MSC.Comm, 2001:17)*

- Syarikat SME dalam ICT dan sektor teknologi tinggi telah dikenalpasti sebagai kuasa penggerak pembangunan ekonomi dan MSC. Objektif utama *flagship* ini termasuklah menghasilkan lebih banyak syarikat SME yang terlibat dalam bidang ICT dan bioteknologi serta meletakkannya di peringkat antarabangsa dan berperanan melalui syarikat inkubator yang dapat menggalakan industri *venture capital*. Inkubator yang terlibat akan menerima status MSC dan dapat menikmati semua kemudahan dalam Bil Jaminan. Setakat ini terdapat 12 inkubator yang beroperasi secara besar-besaran dan dihubungkan melalui *National Incubator Network* (NIN) yang

mana semua usahawan boleh berkongsi pengetahuan dan kepakaran tanpa mengira lokasi. NIN diuruskan oleh pihak MDC. Sementara *MSC Central Incubator* yang disediakan oleh MDC pula bertindak sebagai pemangkin kepada inkubator lain.

Selain itu, sebagai agensi yang bertindak memasarkan produk-produk syarikat Berstatus MSC samada syarikat SME tempatan mahupun syarikat luar, maka MDC telah mewujudkan *Program Market Access*. Program ini merupakan strategi MDC dalam meluaskan pasarannya secara global ke seluruh negara. Antaranya termasuklah meluaskan pasaran ke Asia, Asia Pasifik, Eropah dan Timur Tengah.

Sejak ia dilancarkan, program ini telah berjaya meningkatkan inovasi dan persaingan dalam sektor SME. Berdasarkan kepada jumlah peratusan jualan eksport, dijangka pada tahun 2004 peratusannya akan meningkat kepada 22.8% berbanding 17.3% pada tahun 2002. Dan pada tahun 2003, sebanyak 55% syarikat berstatus MSC telah mengeksport produknya secara meluas ke pasaran antarabangsa. Antara destinasi utama pasaran tersebut adalah China, Hong Kong, United States dan Australia. Walau bagaimanapun sejak kebelakangan ini Negara Timur Tengah dan China telah menunjukkan minat yang mendalam dan memberi sokongan yang padu terhadap projek MSC di Malaysia dengan menandatangani kontrak dan *Memorandum of Understandings* (MoU) dengan MDC. Malah pada September 2004, MDC telah menubuhkan pejabatnya di Dalian, China dan di *The Jeddah Chamber of Commerce* (JCC) Jeddah, Arab Saudi sebagai hub pusat perniagaan dan pemasaran produk MSC. (MSC.Comm, 2004b:34)

Di samping itu, dalam projek TDF juga, MDC telah memperkenalkan program "*Start Your Own Business*" (SYOB) untuk graduan ICT tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan. Ia merupakan satu

program komprehensif yang telah dibuat dan direka oleh *MSC Technopreneur Centre* (MSC-TeC) di bawah projek TDF dan diuruskan oleh MDC. Program ini dapat membantu graduan ICT tempatan yang tidak mempunyai pekerjaan mengukuhkan kemahiran atau latihan dengan pengetahuan teknikal, kemahiran perniagaan dan diberi bantuan sumber untuk memulakan perniagaan ICT.

#### **4.4.2 *MSC Internship Programme***

Program ini merupakan inisiatif MDC yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1999 untuk membangunkan lebih ramai tenaga kerja muda. Ianya dijalankan dengan kerjasama sektor kerajaan dan korporat. Ia merupakan satu program yang dibentuk untuk memastikan graduan-graduan baru lepasan ijazah dilengkapi dengan kelulusan akademik dan pengalaman praktikal sebelum menceburi dunia pekerjaan yang sebenar. Setakat ini lebih kurang seribu graduan telah menyertai program ini.

Program ini telah diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Bakat (*Talent Development Department*) di MDC. Ia juga secara tidak langsung merupakan inisiatif untuk melahirkan lebih ramai pekerja berpengetahuan. Peserta yang terlibat dalam program ini akan dilatih dan ditempatkan di MDC, syarikat-syarikat berstatus MSC atau anak syarikat MDC untuk tempoh selama enam bulan. Selain itu terdapat empat modul latihan yang telah disediakan oleh MDC. Empat modul tersebut ialah kemahiran persembahan terbaik, kemahiran menulis perniagaan, program Komunikatif *English* dan Kepimpinan, pembangunan kerja berpasukan dan penyelesaian masalah. Pada tahun 2003, 75% daripada peserta program ini telah ditawarkan untuk bekerja secara tetap oleh syarikat yang terpilih selepas tamat tempoh percubaan selama enam bulan tersebut.

Program ini mempunyai tiga objektif yang utama iaitu untuk meningkatkan tahap kemahiran dan pengetahuan graduan baru lepasan ijazah dari universiti tempatan atau luar negara. Objektifnya yang kedua ialah memastikan syarikat berstatus MSC bersedia sepenuhnya untuk menerima pekerja berpengetahuan yang berdaya saing. Dan objektif yang terakhir ialah memberi pendedahan kepada graduan akan visi dan misi MSC serta segala aktiviti yang terlibat dalam syarikat berstatus MSC.

Terdapat banyak keistimewaan yang diperolehi oleh peserta dalam program ini. Antaranya ialah memberi peluang kepada peserta untuk bekerja dalam persekitaran profesional dan terdedah kepada perkembangan terkini MSC, membina nilai interpersonal yang tinggi dengan penglibatan dalam empat modul latihan yang disediakan oleh MDC, memperolehi kemahiran dan pengetahuan dalam masa yang singkat dan mendapat elaun yang menarik.

#### **4.4.3 R&D dan pembentukan *Strategic Trust Area Research (STAR)***

Aktiviti R&D di Malaysia masih lagi dianggap rendah dan hanya bergantung kepada sektor kerajaan. Perbelanjaan bagi R&D hanya meningkat 48% dari tahun 1998 kepada RM1,671.5 juta pada tahun 2000. Mengikut *MSC Impact Survey 2003*, perbelanjaan R&D bagi syarikat berstatus MSC pada tahun 2003 dijangka mencapai RM542 juta. Manakala jumlah keseluruhan peruntukan *MSC R&D Grant Scheme (MGS)* ialah sebanyak RM165 juta.

MGS diwujudkan untuk membantu syarikat tempatan dan syarikat usahasama yang berinovatif membangunkan produk multimedia teknologi dan memberi sumbangan kepada pembangunan projek MSC. MDC telah diberi tanggungjawab untuk mengurus dan menganugerahkan geran R&D

kepada syarikat MSC yang layak. Matlamat utama MGS ialah untuk menggalakkan R&D dalam produk multimedia dan mengkomersialkan produk R&D serta mendorong syarikat tempatan khususnya SME bekerjasama dengan syarikat antarabangsa untuk menjadi syarikat yang bertaraf dunia dan berdaya saing. (Rujuk lampiran 6: Proses kelulusan mendapatkan MGS)

Oleh itu, program STAR telah dibentuk untuk meletakkan Malaysia dalam rangka kerja R&D secara komprehensif yang akan membawa negara muncul dalam bidang teknologi ke peringkat yang lebih tinggi dan antarabangsa. Menurut Dr. Mohammad Ghazie Ismail, Timbalan Presiden Bahagian Korporat dan Hubungan Antarabangsa di MDC, fokus utama program STAR ini akan melihat kepada enam bahagian yang utama iaitu mobiliti tanpa wayar, pembangunan perisian terkini, mikro elektronik terkini, rekabentuk teknologi, bioinformatiks dan teknologi nano termasuklah peralatan mekanikal mikro elektrik. Sebagai permulaan, MSC akan mengutamakan R&D mobiliti tanpa wayar, pembangunan perisian terkini, mikro elektronik terkini dan teknologi nano. (MSC.Comm, 2004b:42)

Dalam Fasa Kedua, MSC akan memfokuskan aktiviti R&D dalam mengukuhkan komponen kewujudan R&D yang akan menukarkan MSC kepada pusat inovasi R&D dalam masa tujuh tahun lagi. Setakat ini, sebanyak 43 syarikat berstatus MSC telah diberi dana dengan komitmen sebanyak RM92.82 juta dibawah Skim Geran MGS serta 570 penyelidikan persendirian di Cyberjaya. (MSC.Comm, 2003a:29)

Manakala fokus projek penyelidikan pada masa kini adalah dengan memberi keutamaan kepada projek perisian aplikasi perniagaan, permainan, *edutainment*, aplikasi tanpa wayar, alat pembangunan dan *biometric*. Malah

untuk meluaskan lagi skop penyelidikan, MSC telah mensasarkan kerjasama antara syarikat tempatan dengan pihak luar dan antarabangsa untuk membantu pembentukan R&D sebagai tren untuk masa depan bagi Malaysia. Contohnya kerjasama dengan Syarikat Multimedia Motorola yang telah diiktiraf sebagai syarikat berstatus MSC tiga tahun lalu yang telah mencapai kredit dan kejayaan yang tertinggi sekali dalam bidang R&D. Pada tahun 2002 sebanyak 197 ciptaan telah direkodkan dan dijangka sebanyak 151 ciptaan pada tahun 2003 dan 288 ciptaan pada tahun 2004.

#### **4.4.4 Multimedia Kreatif**


Bagi MSC, agenda untuk membangunkan industri kandungan di Malaysia terbahagi kepada dua matlamat. Matlamat utamanya ialah untuk membangunkan Kelompok Multimedia Kreatif (*Creative Multimedia Cluster* - CMC) di MSC dengan kandungan tempatan bersepadu yang bertaraf dunia. Matlamat yang kedua ialah membentuk infrastruktur di dalam MSC yang menyediakan kandungan kreatif dan memberi pengetahuan dan maklumat kepada dunia, komunikasi dan industri hiburan. Unit Multimedia Kreatif di MDC telah ditubuhkan pada tahun 1998 untuk memantau perkembangan pembangunan kandungan mengikut mandat yang telah ditetapkan oleh MSC.

Fokus utama MSC dalam bidang ini adalah mengenalpasti industri kandungan yang boleh menyediakan input peningkatan dalam perkhidmatan dan sektor pendidikan secara umum dan untuk membantu perkembangan dan penyebaran aplikasi kreatif di dalam ekonomi pengetahuan baru. Contohnya dalam bidang pendidikan, ia dijangka membawa tren baru dalam kaedah pembelajaran dan secara tidak langsung kemajuan dalam bidang ini akan memberi kelebihan kepada ekonomi dan pembangunan masyarakat.

Malah teknologi yang digunakan untuk membuat kesan bunyi khas dan animasi menarik untuk kandungan hiburan boleh juga digunakan untuk memberi kesan yang lebih baik dalam kandungan pelbagai bidang seperti pendidikan, pembuatan, rekacipta, telekesihatan dan aplikasi-aplikasi lain yang menggunakan pelbagai bentuk seperti laman web, DVD, CD dan lain-lain lagi. Kesemua elemen ini boleh disatukan dalam satu industri yang berpusat secara kreatif. Dalam Fasa Kedua, kepentingan pembangunan kandungan kreatif akan diteruskan terutama dalam pembangunan *soft skill* dan pemasaran.

Kewujudan Universiti Multimedia di Cyberjaya dan pemberian status MSC kepada Institut Pengajian Tinggi Tempatan dilihat sebagai pemangkin kepada kemajuan kandungan tempatan yang akan mencapai kelas dunia dan antarabangsa. Berdasarkan kepada Carta 4.1, potensi kemajuan syarikat CMC digambarkan melalui 15.26% daripada keseluruhan jumlah 832 syarikat yang mendapat status MSC. (MSC.Comm, 2003a: 32)

Carta 4.2: Potensi Multimedia Kreatif di MSC



#### 4.4.5 Perkhidmatan Perkongsian dan *Outsourcing*

Perkhidmatan Perkongsian merupakan satu model di mana perkhidmatan satu atau lebih syarikat/agensi kerajaan dibekalkan di bawah satu organisasi perkongsian samada dijadikan sumber dalam ataupun sumber luar. Model ini membenarkan peningkatan skala ekonomi mendapat asas kemahiran yang luas, kos *benchmarked* yang jelas, tanggungjawab dan teras inovasi promosi yang berterusan. Manakala definisi *outsourcing* pula adalah perkhidmatan perkongsian yang berorientasikan keputusan dengan pembekal perkhidmatan luar. Contohnya termasuklah pembuatan secara kontrak, proses perniagaan *Outsourcing* (BPO) dan *Outsourcing* IT.

Sejak beberapa tahun yang lalu, syarikat global menganggap konsep perkhidmatan perkongsian ini sebagai satu langkah mengurangkan kos operasi dan pada waktu yang sama membenarkan mereka fokus kepada bidang perniagaannya yang utama dan memperbaiki perkhidmatan dalam syarikat.

Untuk bergerak maju ke Lonjakan Kedua MSC. Maka MSC telah menghalakan matlamatnya untuk menyediakan platform kepada semua syarikat yang berstatus MSC menjadi pesaing secara global berorientasikan eksport yang terbaik dan menjadi terkenal melalui jenama MSC yang unik. Salah satu kunci yang menjadi inisiatif untuk merealisasikan matlamat ini ialah dengan meluaskan perkhidmatan perkongsian di Malaysia.

MSC akan menyediakan kos yang rendah dengan nilai tinggi yang unik untuk syarikat global melabur dalam aktiviti perkhidmatan perkongsian di Malaysia. Dalam mempromosikan perkembangan industri di MSC, maka MSC telah melengkapkan insentif yang komprehensif dan kemudahan yang istimewa untuk memenuhi keperluan industri perkhidmatan perkongsian.

Menurut En. Narayanan Kanan:-

*MSC is providing the future for shared services companies. We are providing them with the perfect environment with telecommunications, electricity, water, competitive rental and a good available supply of knowledge workers.*(MSC.Comm, 2003a:18)

Selain itu untuk menggalakkan perkembangan industri perkhidmatan perkongsian, MDC akan menguruskan program dan kempen antarabangsa untuk mempromosikan potensi yang menguntungkan dalam industri ini di Malaysia. Dalam sektor kewangan, matlamat pasarannya akan diperluaskan ke seluruh negara termasuklah ke USA, Eropah dan Australia. Manakala bagi sektor pembuatan dan pengeluaran produk pula, MSC akan melihat contoh negara Jepun dan Korea yang merupakan pengasas yang diyakini dalam rantai bekalan secara padu dan pengurusan logistik. Setakat ini MSC telah berjaya menarik 923 syarikat berstatus MSC di mana syarikat yang berasaskan perkhidmatan perkongsian boleh membentuk strategi perkongsian dengan EDS, IBM, Infosys, CSC, Satyam dan Accenture. (MSC.Comm, 2003a:20)

Manakala dari sudut kewangan pula, MDC telah mengukuhkan hubungan syarikat dengan institusi kewangan seperti Malaysia *Debt Venture Bhd* (MDV) yang mana syarikat perkhidmatan perkongsian boleh menjadi rakan kongsi. Tawaran MDV ini ditujukan khas untuk industri teknologi di samping mengurangkan kos mereka secara signifikan.

Misi utama MSC dalam kemajuan industri ini adalah untuk membangunkan syarikat perkhidmatan perkongsian kepada pembekal utama perkhidmatan perkongsian yang bernilai ke pasaran global. Secara tidak langsung lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan dan akan mengukuhkan industri yang berorientasikan eksport. Malah memberi peningkatan kepada pemindahan pengetahuan yang bertaraf dunia, proses

inovatif dan kemampuan serta pembangunan teknologi kepada SME tempatan dan melahirkan pekerja berpengetahuan.

Dalam masa lima tahun lagi, industri ini akan membentuk dan mencipta peluang pekerjaan yang luas dalam sektor perkhidmaan perkongsian melalui MSC, yang mana akan menuju persaingan secara global dan berorientasikan eksport. Menurut En. Narayanan Kanan,

*A key objective of this cluster is to create high-valued jobs. Since we started, we have helped create 4,500 new jobs. Based on this figure, we can predict there will be some 60,000 new jobs in this sector by 2008. (MSC.Comm, 2003a:22)*

Pada akhir tahun 2008 juga, kemunculan jenama MSC di pasaran global akan mengukuhkan lagi jenama MSC secara global dan menaikkan nama Malaysia di mata dunia. Malah pada masa kini terdapat sebelas buah syarikat terkenal di dunia telah memilih Malaysia sebagai pusat perkhidmatan perkongsian dan *outsourcing*. Antaranya ialah syarikat BMW, British American Tobacco, CSF Advisers, DHL, Ericsson, HSBC, IBM, Scicom, Shell, SnT Global dan Standard Chartered Bank. Faktor yang membawa tarikan kepada syarikat bertaraf dunia ini ke Malaysia adalah disebabkan ekonomi Malaysia yang global, kestabilan politik dan ekonomi, kemahiran pembangunan sumber manusia, cara hidup moden dan antarabangsa serta kualiti sinergi yang sesuai.

#### **4.5 Pengiktirafan Dua Bandar Siber: *Penang Cyber City 1 (PCC 1)* dan *Kulim High Tech Park (KHTP)***

Tahun 2005 merupakan tahun yang paling sesuai untuk MDC mengiktiraf dua lagi bandaraya bestari ataupun bandar siber selepas Cyberjaya dan Technology Park Malaysia (TPM). Pengiktirafan yang dibuat adalah berdasarkan kepada tahap persediaan (*readiness*) dua bandar tersebut untuk muncul sebagai bandar industri

teknologi tinggi dan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Perbezaan mewujudkan bandar siber MSC dengan projek MSC yang lain adalah mengenai pelaksanaannya terhadap budaya dan perubahan minda bagi pekerja sektor awam dan swasta untuk membaiki perkhidmatan berkualiti (*Quality of Service-QoS*) untuk dunia perniagaan dan kehidupan komuniti. Penguatkuasaan *MSC Cybercity Standards*, kini merangkumi aspek utiliti, telekomunikasi dan perkhidmatan Majlis Perbandaran. Standard itu adalah berdasarkan kepada piawaian taman sains atau bandaraya bestari bertaraf dunia. QoS untuk telekomunikasi dan utiliti di setiap bandar siber yang terpilih akan sentiasa dipantau dan dipastikan oleh pelaksanaan *MSC Performance Guarantees* dan *Financial Penalties* (PGFPs). (MDC, 2005)

#### **4.5.1 Penang Cyber City (PCC 1)**

PCC 1 meliputi kawasan seluas 2,283 ekar dan baru beroperasi pada tahun ini. PCC 1 diuruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang (*Penang State Government-PSG*) yang diketuai oleh Pengerusi, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon. PCC 1 merangkumi kawasan Taman Industri Bayan Lepas, Bayan Mutiara dan Bayan Baru. PCC 1 telah dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 29hb Januari 2005. Menurut En. Azlan, pembangunan bandar siber bagi seluruh negeri Pulau Pinang terbahagi kepada 4 fasa yang di panggil Penang Cyber City. Dan memandangkan hanya projek fasa 1 sahaja yang mendapat pengiktirafan bandar siber maka ia dipanggil PCC 1. Manakala PCC 2 pula meliputi kawasan di Bertam dan PCC 3 di kawasan Batu Kawan.

Menurut Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, kini terdapat lebih dari 700 syarikat menjalankan operasinya di kawasan perindustrian ini dan 162 jumlah syarikat tersebut terlibat dalam sektor elektrik dan elektronik

(E&E). Sektor E&E telah menjadikan Pulau Pinang sebagai hub industri teknologi tinggi yang mengupah sejumlah 97,343 orang pekerja atau 58% dari jumlah keseluruhan pekerja di negeri Pulau Pinang. Sektor ini juga menyediakan ramai tenaga kerja seperti jurutera iaitu 6,911 orang daripada jumlah 8,766 jurutera yang bekerja dalam kawasan perindustrian tersebut. (MSC.Comm, 2004b:22)

Selain E&E, sektor lain yang turut mendominasi perniagaan di Pulau Pinang ialah sektor semikonduktor dan telekomunikasi tanpa wayar. Dalam sektor semikonduktor misalnya, syarikat industri utama di dunia seperti Intel, AMD dan Fairchild sudah beroperasi di negeri ini lebih dari 30 tahun. Manakala Motorola dan Agilent Technologies pula, adalah syarikat besar yang memainkan peranan penting dalam sektor telekomunikasi tanpa wayar. Zon Industri Bebas Bayan Lepas juga merupakan tumpuan syarikat-syarikat terkenal dunia menjalankan operasinya di Pulau Pinang. Antaranya ialah syarikat seperti Intel, Agilent Technologies, Motorola, Robert Bosch, Osram Optosemiconductor, SeaGate, Hitachi dan Clarion sejak 3 dekad yang lalu.

Antara infrastruktur yang terdapat di PCC 1 termasuklah sebuah pusat inkubator yang dipanggil USAINS dan institusi pengajian tinggi yang terdiri daripada Universiti Sains Malaysia dan 46 buah kolej swasta. Serta kemudahan-kemudahan lain termasuklah bank, kedai, pejabat pos, hotel dan pusat membeli-belah. (Rujuk Lampiran 7)

#### **4.5.2 *Kulim High Tech Park (KHTP)***

KHTP secara rasminya telah beroperasi pada tahun 1996 dan merupakan taman industri teknologi pertama di Malaysia. KHTP terletak di negeri Kedah dengan keluasan 1,450 hektar (3,600 ekar). Lokasinya hampir

27km dari *North Butterworth Container Terminal* dan 45km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas. KHTP akan mendapat pengiktirafan sebagai bandar siber oleh MDC pada tahun ini selepas pengisytiharan PCC

1. KHTP diuruskan oleh *Kulim Technology Park Corporation Bhd* (KHTC). Pengerusinya ialah Datuk Yaakob B. Hj Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) KHTC ialah Dato' Ahmad Shukri. Matlamat utama pembinaan KHTP ialah untuk membawa negara Malaysia mencapai Wawasan 2020 sebagai "*Science City of the Future*". Taman yang berintegrasi sains ini mensasarkan industri teras teknologi khususnya dalam sektor elektrik, elektronik mekanikal, telekomunikasi, semikonduktor, optoelektronik, bioteknologi dan R&D. KHTP mempunyai enam zon utama seperti berikut:-

1. Zon Perindustrian- Pembangunan Fasa 1 meliputi kawasan seluas 250 hektar dan terdiri daripada 31 lot perindustrian. Manakala Fasa 2 pula, meliputi kawasan seluas 226 hektar dan terdiri daripada 14 lot perindustrian. Zon ini juga merupakan kawasan pelaburan industri tempatan dan multinasional.
- 2. Zon Perumahan- Rumah yang dibina berasaskan perumahan pintar dilengkapi dengan gentian optic, telekomunikasi dan penyiaran.
3. Zon Kemudahan awam dan rekreasi- Terdiri daripada Kulim Golf & Country Club (KGCR) dan taman rekreasi semulajadi.
4. Zon Pusat Bandar/Urban- Menyediakan kemudahan seperti bank, pusat membeli-belah dan perkhidmatan sokongan kepada penduduk.
5. Zon Institusi- menempatkan institusi seperti sekolah, balai polis, klinik dan lain-lain lagi.


6. Zon R&D dan Latihan- Mengandungi pusat pembangunan teknologi dan teknologi maklumat, makmal pengujian serta pusat latihan kemahiran sumber manusia. (<http://www.khtp.com.my/>)

Dari aspek penyediaan infrastruktur pula, KHTP mempunyai 2 pusat komersial yang terdiri daripada Pusat Perniagaan KHTP dan Pusat Pentadbiran KHTP . Manakala Pusat Inkubator KHTP pula termasuklah *Techno Centre & IT Centre, CNC Engineering Centre, Metal Excellence Centre* dan *Biotech Lab (Herbal Standardisation)*. Institusi Pengajian Tinggi yang berada dalam kawasan KHTP ialah Institut Teknologi Tinggi Kulim (ITTK), Uni-KL Malaysia Spanish Institute dan Politeknik Kulim. Manakala Pusat Data bagi KHTP ialah Jaring. (Rujuk Lampiran 7)

#### 4.6 Perkembangan terkini Syarikat Berstatus MSC. (Sehingga 15hbMac 2005)


Merujuk kepada Carta 4.6.1 berkenaan status permohonan syarikat mendapatkan kelulusan MSC, ternyata hanya 1,208 jumlah syarikat yang telah berjaya mendapat status MSC sehingga kini. Manakala 27 permohonan syarikat telah ditolak dan tidak mendapat kelulusan, 37 permohonan masih lagi dalam pertimbangan dan 61 permohonan diperingkat rangka kerja.

Carta 4.6.1: Status Permohonan Syarikat



Daripada 1,208 jumlah keseluruhan syarikat yang mendapat status MSC, 862 dari jumlah tersebut adalah syarikat yang dimiliki oleh bumiputera dengan peratusan lebih 51%. 313 buah syarikat adalah syarikat yang dimiliki oleh pelabur asing dengan peratusan lebih dari 51%. Dan selebihnya iaitu 33 buah syarikat adalah syarikat usahasama (*Joint Venture*) rakyat tempatan dengan syarikat luar dengan peratusan pemilikan 50-50%. (Rujuk Carta 4.6.2)


Carta 4.6.2: Pemilikan Syarikat Berstatus MSC



Penyertaan syarikat usahasama yang turut mendapat status MSC pada masa kini adalah sebanyak 284 buah syarikat. Dari jumlah tersebut 22 darinya adalah syarikat usahasama antara syarikat luar dengan syarikat luar, 23 usahasama syarikat tempatan dan tempatan. Selebihnya 239 adalah syarikat usahasama antara syarikat tempatan dan syarikat luar. Manakala jumlah syarikat bukan usahasama adalah sebanyak 914. (Rujuk Carta 4.6.3)


Carta 4.6.3: Analisis Syarikat MSC

Approved 1,208 MSC companies breakdown by JV as of March 15, 2005



Dari aspek pengoperasian pula, ternyata hanya 928 buah syarikat dari jumlah 1,208 tersebut beroperasi secara aktif, 197 syarikat telah ditarik lesen dan dibatalkan statusnya, 74 syarikat tidak aktif, 7 syarikat telah dibubarkan dan 2 lagi syarikat telah bergabung. (Rujuk Carta 4.6.4)

Carta 4.6.4 Status Operasi Syarikat MSC




Berdasarkan kepada penyertaan syarikat mengikut sektor pula, ternyata terdapat 18 sektor yang menjadi pilihan bagi syarikat berstatus MSC. Sektor yang mendapat penyertaan paling tinggi adalah sektor Pembangunan Perisian dan

Aplikasi Perniagaan dengan jumlah 279 buah syarikat. Diikuti oleh sektor *Soft D & Aplikasi Spesifik*, Perniagaan Berasaskan Internet & Perkhidmatan E-dagang dan sektor Pembangunan Kandungan dengan jumlah masing-masing 207, 109 dan 106 buah syarikat. Manakala sektor yang mendapat penyertaan paling sedikit adalah sektor Bioteknologi & Kehidupan Sains dengan jumlah penyertaan hanya 8 buah syarikat.

Walau bagaimanapun jumlah penyertaan syarikat global MSC setakat ini adalah tidak berubah dengan jumlah sebanyak 67 buah syarikat iaitu sama seperti tahun lepas. Ini menunjukkan tiada peningkatan dalam penyertaan syarikat global pada 3 bulan ini. Penyertaan syarikat global dalam MSC adalah sangat perlahan. Contohnya pada tahun lepas (2004), MSC hanya mampu menarik 7 buah syarikat global untuk menyertai MSC dari tahun sebelumnya iaitu 2003 dengan jumlah 60 buah syarikat. (Rujuk Carta 4.6.5)


Carta 4.6.5: Jumlah Syarikat Global Dalam MSC



Selain itu, penyertaan syarikat berstatus MSC dalam projek MSC juga sangat bergantung kepada pelaburan saham yang dikeluarkan oleh setiap syarikat. Oleh itu berdasarkan kepada majoriti pemegang saham mengikut negara, ternyata 70 % pemegang saham bagi syarikat berstatus MSC adalah dari negara Malaysia sendiri. Diikuti majoriti saham dari negara Eropah 8%. Negara-negara lain 6%, Singapura dan India 4%, negara Asia yang lain 2% dan Jepun 1%. (Rujuk Carta 4.6.6)

Carta 4.6.6: Majoriti Pemegang Saham Mengikut Negara

### Majority shareholding by countries/regions for MSC companies as of March 15, 2005




Syarikat Eropah yang mendapat status MSC dalam projek MSC di Malaysia adalah sejumlah 92 buah syarikat. 28 dari jumlah tersebut adalah syarikat dari Negara United Kingdom, 15 syarikat dari negara Neatherland, 13 dari Jerman, 11 dari Sweden, 9 dari Finland, 4 dari France, 3 dari Italy, 2 dari Switzerland dan Ireland dan 1 dari Norway, Rusia, Belgium dan lain-lain negara.

Dari aspek perbelanjaan projek pula, ternyata jumlah perbelanjaan keseluruhan pada tahun ini (2005) adalah sebanyak RM2.9 billion dengan modal perbelanjaan sebanyak RM656 juta dan perbelanjaan operasi sebanyak RM2.4 billion. Mengikut *Impact Survey 2004*, sebanyak RM4.6 billion untuk 639 syarikat

telah dibelanjakan pada tahun 2003. Ia merupakan jumlah paling tinggi dari jumlah perbelanjaan pada tahun 2002 untuk 464 syarikat iaitu RM3.6 billion. (Rujuk Carta 4.6.7)


Carta 4.6.7: Analisis Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)



Dan akhir sekali, merujuk kepada Carta 4.6.8 berkenaan jumlah pekerjaan yang ada dalam MSC. Sejumlah 19,061 pekerjaan di 620 syarikat berstatus MSC pada akhir tahun 2003 telah dilaporkan. Jumlah ini adalah tinggi berbanding jumlah pekerjaan yang dilaporkan dalam *Impact Survey 2003* bagi 634 syarikat berstatus MSC iaitu hanya 17,000 pekerjaan. Peningkatannya adalah sebanyak 12% berbanding tahun lepas dan akan terus meningkat naik pada tahun ini sehingga 17%. Dijangka pada tahun ini sebanyak 23,336 peluang pekerjaan akan wujud di 554 syarikat MSC.

Carta 4.6.8: Jumlah Pekerjaan / Kekosongan

### TOTAL EMPLOYMENT AND VACANCIES



It is important to note that a total of 19,061 (620 co) people have been employed by MSC status companies as at end of 2003. This figure is relatively slightly higher than the number reported by 634 MSC status companies in 2003's survey which is 17,000. This is indeed an increment of 12% compared to last year. It is anticipated that the number to continue increasing at a much larger rate this year (17%).

Source: 2004 Impact Survey  
2005 Estimates

#### 4.7 Perkembangan terkini 7 aplikasi perdana ( sehingga 5hb Mei 2004)

Jadual 4.1: Perkembangan terkini 7 aplikasi perdana ( sehingga 5hb Mei 2004)

KERAJAAN ELEKTRONIK (E-GOVERMENT)	
1. Sistem Pengawasan Projek II <i>Project Monitoring Systems</i> (PMS II)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek PMS (<i>Operational System, Managerial Function &amp; Knowledge Based Repository</i>) telah beroperasi di semua agensi kerajaan.</li> <li>• Aktiviti post-perlaksanaan masih lagi diteruskan seperti menyelesaikan masalah kewangan untuk penyenggaraan kerja dan membuat penilaian untuk kapabiliti PMS II yang menghubungkan Elektronik Sistem Perancangan &amp; Kawalan Bekalan (eSPKB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)</li> </ul>
2. Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia. <i>Human Resource Management Information System</i> (HRMIS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 daripada 15 modul telah diperkenal dan digunakan dalam 10 agensi kerajaan iaitu JPA, MAMPU, Pejabat Perdana Menteri, Jabatan Pengairan &amp; Saliran, Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, MARA, DBKL, PKNS, Jabatan Ketua Menteri Sarawak.</li> </ul>
3. <i>Generic Office Environment</i> (GOE)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berjaya menyediakan tempat untuk dilaksanakan di 14 agensi kerajaan dengan jumlah 3,086 pengguna.</li> <li>• Rancangan diperluaskan dan tambahan 7 lagi agensi yang terpilih dengan jumlah 1,494 pengguna lagi.</li> </ul>
4. ePerolehan - <i>Electronic Procurement</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Kontrak &amp; Modul Pendaftaran Pembekal yang dihubungkan dengan eSPKB telah siap dilaksanakan.</li> <li>• 3,123 Pusat Tanggungjawab (PTJs) telah diperkenalkan dan sebanyak 640 adalah ePerolehan.</li> </ul>
5. <i>E-Service</i> (DL++)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 27 kiosk telah beroperasi sepenuhnya. 12 kiosk di kawasan Lembah Klang dan 15 lagi di luar kawasan Lembah Klang.</li> </ul>
6. <i>Electronic Labour Exchange</i> (ELX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek ini telah dilaksanakan di seluruh negara.</li> <li>• <i>Job Clearing System, Labour Market Database &amp; Office Productivity System</i> telah dilancarkan pada 30 hb Mei 2002.</li> </ul>
7. E-Syariah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 83% fasa ketiga projek ini telah siap dibangunkan dan SPKMS telah diperluaskan ke 102 lokasi di seluruh Negara.</li> <li>• Modul selebihnya seperti Portal dan</li> </ul>

	Sistem Pendaftaran Peguam akan di masukan dalam fasa 4 dan 5.
<b>KAD PELBAGAI GUNA (SMARTCARD)</b>	
1. Kad Pelbagai guna Kerajaan ( <i>Government Multipurpose Card</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua data penting seperti ID, lesen memandu, passport, E-Tunai, ATM, Touch N go, Maklumat Kesihatan dan PKI (Public Infrastructure) telah dimasukkan dalam satu kad.</li> <li>• Sebanyak 9.9 juta kad telah dikeluarkan.</li> </ul>
2. Kad Pelbagai guna pembayaran ( <i>Payment Multipurpose Card</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 8.97 juta Kad Bank telah dikeluarkan pada 1hb Mac 2004.</li> <li>• 3,422 (84%) ATM telah dipertingkatkan untuk menerima urusan aplikasi ATM melalui MyKad.</li> <li>• 3,986 (100%) bank domestik ATM telah dipertingkatkan untuk menerima urusan melalui Bankcard.</li> <li>• 5 institusi perbankan yang mempunyai jumlah 160 cawangan akan menerima urusan aplikasi ATM melalui MyKad iaitu Bank of Commerce, Maybank, Public Bank, Bank Islam dan City Bank.</li> </ul>
<b>SEKOLAH BESTARI (SMART SCHOOL)</b>	
1. Sekolah Bestari	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan pelbagai pilihan dengan kos yang efektif untuk meningkatkan modul Makmal Komputer dan Projek SchoolNet akan dibentangkan dalam Mesyuarat <i>Smart School Steering Comitte</i> pada 5 hb April 2004.</li> <li>• Hasil perbincangan ini akan dibentangkan kepada YB Menteri Pelajaran pada 20h Mei 2004 untuk dilaksanakan.</li> </ul>
<b>TELEKESIHATAN (TELEHEALTH)</b>	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perancangan kesihatan seumur hayat <i>Lifetime Health Plan (LHP)</i></li> <li>2. Pendidikan kesihatan peribadi dan masyarakat umum <i>Mass Customised Personal Health Information and Education (MCPHIE)</i></li> <li>3. Pendidikan perubatan yang berlanjutan <i>Continuing Medical Education (CME)</i></li> <li>4. Perundingan telekesihatan <i>Teleconsultation</i></li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua data kesihatan boleh dilihat dalam MyKad.</li> <li>• Kementerian Kesihatan (MoH) akan menjadikan Klinik Putrajaya sebagai klinik percubaan untuk aplikasi ini.</li> </ul>
<b>KELOMPOK R &amp; D (R&amp;D CLUSTER)</b>	
Skim Geran(MGS) @ MSC R&D Grant Scheme(MGS)	

(Jenis projek pembiayaan & bilangannya)	
Kandungan	
• Pembangunan Permainan	2
• Pendidikan	3
• Hiburan	2
Aplikasi	
• Pusat Panggilan	1
• Aplikasi Perisian Perniagaan	11
• Aplikasi Perisian Kejuruteraan	11
• Rekrutmen	1
• Pengurusan Pengetahuan	1
• Pembangunan Perkakasan	3
Infrastruktur	
• Tanpa Wayar	5
• Rangkaian Teknologi Optikal	2
• Sistem Telefon berkomputer	3
• Keselamatan	1
Blok Teknologi	
• Biometriks	1
• Pemprosesan Imej Digital	1
• Komponen Optikal	1
• Teknologi Perucapan	1
• Rekabentuk IC	2
<b>ANUGERAH YANG DITERIMA OLEH SYARIKAT MGS</b>	
1. REDtone Telecommunication	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Asia Pacific ICT Awards 2001- Best of Communication Applications</i></li> <li>• <i>MSC APICTA 2000 Value-Added Communications Technologies Merit Award</i></li> </ul>
2. APIIT	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>MSC APICTA 2000 and 2001 - Lipreading and Pronunciation Aid (Learning Application Category) Merit Award</i></li> <li>• <i>MSC APICTA 2003 - R&amp;D Merit Award for FileShield.</i></li> </ul>
3. PUC Founder (MSC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Secutech Innovation Awards 2002, Taiwan - Best Security Equipment</i></li> <li>• <i>MSC APICTA 2002 - Best Security System Merit Award</i></li> </ul>
4. Articulate Online	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Science &amp; Technology Expo 2001-</i></li> </ul>

	<i>Bronze Medal in the Invention/Innovation Competition.</i>
5. Globetronics Multimedia Technology	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MSC APICTA 2002 - <i>Industrial Applications Merit Award</i></li> </ul>
6. MMM Technologies	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Science &amp; Technology Expo 2001 - Gold Medal in the Invention/Innovation Competition.</i></li> <li>• MSC APICTA 2003 - <i>Health Applications Award for Hospital Tagging System.</i></li> <li>• MSC APICTA 2003 - <i>Industrial Applications and Manufacturing Design Award for Asset Tagging System.</i></li> </ul>
7. SiRES Labs	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MSC APICTA 2003 - <i>R&amp;D Award for Optical Communications and Networking Integrated Transmitter (Tx) and Receiver (Rx)</i></li> <li>• APICTA 2003 - <i>R&amp;D Merit Award for Optical Communications and Networking Integrated Transmitter (Tx) and Receiver (Rx)</i></li> </ul>
8. Electric Angels MSC	<ul style="list-style-type: none"> <li>• MSC APICTA 2003 - <i>Start-Up Companies Merit Award for Design of Digital-to-Analog Converter IC</i></li> </ul>
<b>PEMBANGUNAN USAHAWAN TEKNO (TECHNOPRENEUR DEVELOPMENT-TDF)</b>	
1. <i>Lead Generation</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b><i>National Unipreneur Development Program(NUDP)</i></b></li> </ul> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berunding dengan MAVCAP untuk kerjasama dalam UNICIP iaitu sebahagian dari <i>Program Investment Cradle</i> untuk inisiatif usahawan universiti.</li> <li>2. Mengadakan “<i>clinic on business plan writing</i>” pada 25hb Mac 2004 di UTM Skudai.</li> <li>3. Bertemu pihak Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk berbincang mengenai permohonan Status MSC bagi UTP, pembinaan ikubator di universiti dan lawatan sambil belajar ke <i>MSC Central Incubator (MCI)</i> mengenai operasinya dan <i>MMU Centre for Commercialisation &amp; Technopreneur Development (MMUCCTD)</i>.</li> <li>4. Mengadakan kerjasama dengan pelbagai</li> </ol>

	<p>Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan swasta untuk menawarkan program pembangunan usahawan tekno dan perkhidmatan memulakan perniagaan. Contohnya dengan Presiden Kelab Usahawan MMU dan Presiden Kelab Usahawan UNITEN.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sehingga bulan Mac 2004, berjaya mengambil 5 klien untuk pacuan pertumbuhan melalui program pembangunan usahawan ini.</li> <li>• <b>National Lead Generation Program (NLGP)</b></li> <li>• Program Perkongsian       <ol style="list-style-type: none"> <li>1. MDC-IBM (program pembangunan usahawan)</li> <li>2. MDC-MARA (program pembangunan usahawan)</li> <li>3. MDC-MAVCAP (CIP Program)</li> <li>4. MDC-Sun Microsystems</li> </ol> </li> <li>• <i>Direct Access Program</i></li> <li>• <i>Business Plan Assesment &amp; Enrichment</i></li> </ul> <p>Sehingga Mac 2004, berjaya mengambil 8 klien untuk pacuan pertumbuhan melalui program pembangunan usahawan ini.</p>
<p>2. <i>Incubation/ Acceleration</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>National Incubation Development Program (NIDP)</b></li> <li>• <i>MSC Status Incubators</i>-Menerima 5 permohonan inkubator untuk mendapat status MSC iaitu:-       <ol style="list-style-type: none"> <li>1. iSpring Capital</li> <li>2. Skali e-Venture</li> <li>3. Technopreneurs Park,UUM</li> <li>4. K.Ekonomi Incubator,Melaka</li> <li>5. Eastern MSC Inc,Pahang</li> </ol> </li> </ul> <p>-WIP menerima permohonan dan memberi status MSC kepada:-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>SIRIM Incubation Centre.</i></li> <li>2. <i>Perak Incubation Centre.</i></li> <li>3. <i>Sarawak Incubation Centre.</i></li> </ol> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>National Incubation Network (NIN)</b></li> <li>• Mesyuarat dengan Johor SEDC pada 12hb Mac 2004, membincangkan</li> </ul>

	<p>pembinaan lebih banyak inkubator dalam negeri Johor dengan kerjasama MARA dan agensi lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat <i>2<sup>nd</sup> Incubation Baseline Review</i> yang melibatkan 15 inkubator diseluruh negara untuk melihat perkembangan inkubator dan mengenalpasti jurang dalam model <i>incubation</i> dengan rangka kerja yang sebenar.</li> <li>• <b><i>National Incubator Network Assosiation (NINA)</i></b></li> <li>• Pada bulan Mac 2004, berjaya mengambil sejumlah 4 klien (<i>MSC Central Incubation-MCI</i>) untuk pacuan pertumbuhan melalui program pembangunan usahawan ini.</li> <li>• <b><i>Centre for Health Innovation &amp; Medical Enterprises (CHIME)</i></b></li> <li>• Fasa kedua pembangunan fizikal CHIME telah siap dan terdiri daripada: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>MSC Innovation-Centre</i> yang akan digunakan sebagai <i>showcase hub</i> untuk syarikat berstatus MSC &amp; penghasilan produk.</li> </ol> <p><i>The Centre for Excellence</i> untuk pembangunan inovatif penjagaan kesihatan, telekesihatan, bioteknologi/ bioinformatics R&amp;D dan lain-lain lagi.</p> </li> </ul>
<p>3. <i>Business &amp; Technology Innovation Centre (BATIC)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Makmal Teknologi BATIC</b></li> <li>• Perancangan dan jadual pelaksanaan untuk rangka kerja makmal teknologi BATIC, telah diluluskan oleh pihak pengurusan atasan MDC. Fasa I projek ini meliputi:- <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Java Technopreneur Development Centre (jTrend)</i></li> <li>2. <i>NET Technopreneur Development Centre (NTDC)</i></li> </ol> </li> <li>• <b><i>MSC Technopreneur Centre (MSC-TeC)</i></b></li> <li>• Mengadakan <i>Business Marketing &amp; Presentation Development Workshop</i></li> <li>• Mengadakan <i>Business Coaching &amp; Mentoring</i></li> <li>• Mengadakan Bengkel <i>Technopreneur Profiling &amp; Networking</i></li> </ul>

<p>4. <i>Market Access</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Program Perwakilan Antarabangsa (<i>International Representative Program-IR</i>)</b></li> <li>• Menguruskan misi ke Dubai pada 1 hingga 4hb Mac 2004 untuk membincang dan mengetahui potensi penubuhan pejabat MDC di Dubai sebagai laluan kepada pasaran Timur Tengah.</li> <li>• Berunding dengan rakan kongsi Arab Saudi untuk memasarkan MSC. <i>The Jeddah Chamber of Commerce (JCC)</i> bersetuju untuk memberi ruang dan tempat kepada MDC untuk mendirikan Pejabat Perwakilannya di JCC.</li> <li>• Setakat ini, 15 syarikat SMEs ICT telah dipilih untuk perkhidmatan TDF dan pertumbuhan nilai bertambah melalui program ini.</li> </ul>
<p>5. Program Rakan Kongsi Strategik <i>Strategic Partnership Program (SP)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dari Jan hingga Mac 2004, sebanyak 62 mesyuarat antara rakan kongsi <input type="checkbox"/> strategic telah diadakan antara syarikat luar dan syarikat tempatan untuk mencari rakan kongsi dengan syarikat ICT Malaysia.</li> <li>• Berjaya mengambil 30 syarikat atau <i>prospective clients</i> untuk pertumbuhan dan pembangunan dibawah program pembangunan usahawan tekno (TDF).</li> <li>• Permintaan untuk rakan kongsi asing/<i>foreign</i> termasuklah I Navigators, Infoworld Consultancy dan Info Solution dari India</li> </ul>
<p>6. <i>Outreach</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerjasama Kerajaan dan Industri</li> <li>2. Kerjasama dengan MITI.</li> <li>3. Kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak.</li> </ul>
<p>E-PERNIAGAAN <i>(E-BUSINESS)</i></p>	
<p>1. Sektor Peruncitan: <i>Efficient Consumer Response-Central Item Repository (ECR-CIR) Project.</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan laporan untuk diserahkan kepada Majlis Tender untuk persediaan <i>Letter of Award</i></li> </ul>

<p>2. <i>Lead Logistic Integrator (LLI)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan gambaran keseluruhan dari pakar industri tentang cadangan, arahan dan minat penyertaan dari sektor pengiriman/pos.</li> <li>• Memahami kedua-dua persamaan dari kaji selidik oleh organisasi tersebut untuk dirumus dan membuat rangka kerja projek.</li> </ul>
<p>3. <i>Primary Commodity Exchange</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan projek ini diteruskan dan kini fokusnya adalah dalam sektor pertanian.</li> </ul>